

# Pendidikan Pelbagai Budaya untuk Merealisasikan Negara Bangsa '1 Malaysia': Perspektif Islam dan Barat

*Zulkifli Dahalan*

*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia*

*Hazri Jamil*

*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia*

## ABSTRACT

*This paper aims at elucidating a discussion about the importance of multi-cultural education in the context of a Malaysian pluralistic society. Besides, the sights of Islam and the West towards the concept of cultural diversity are elaborated in addition to the role of education in fostering understanding and acceptance of cultural diversity that exists within a pluralistic society in Malaysia. In fact, the discussion represents a discourse of ideas to raise the awareness of understanding and accepting the diversity and differences in beliefs, religion, norms and cultural values in the Malaysian modern society. Accordingly, several approaches, to implement the elements of multicultural education in the existing educational system, are suggested to increase the awareness and understanding among young people of cultural diversity of this country.*

**Keywords:** *multicultural education; pluralistic society; ethnic; integration; 1 Malaysia*

## ABSTRAK

*Artikel ini merupakan perbincangan umum tentang kepentingan pendidikan pelbagai budaya dalam konteks kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Penulis juga membincangkan pandangan Islam dan Barat terhadap konsep kepelbagaian budaya dan peranan pendidikan dalam memupuk kefahaman*

*dan penerimaan kepelbagaian budaya yang wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Perbincangan ini adalah sebagai satu wacana pemikiran untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memahami dan menerima kepelbagaian dan perbezaan kepercayaan, agama, nilai norma serta budaya dalam kehidupan masyarakat moden di Malaysia. Beberapa pendekatan untuk menerapkan elemen-elemen pendidikan pelbagai budaya dalam sistem pendidikan sedia ada dicadangkan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman generasi muda tentang konteks kepelbagaian budaya masyarakat di negara ini.*

**Kata kunci:** *pendidikan pelbagai budaya, masyarakat majmuk, etnik, perpaduan, 1 Malaysia*

## **Pengenalan**

Budaya asal, warisan turun-temurun, agama dan pendidikan setiap ahli masyarakat di Malaysia sentiasa mempengaruhi dan menentukan sikap, semangat, pemikiran dan pandangan masing-masing tentang sesuatu isu yang dikongsi bersama. Dalam konteks kemajmukan budaya, pendidikan memainkan peranan penting untuk menjalankan proses pemasyarakatan atau sebagai agen mensosialisasikan generasi muda dengan nilai dan norma yang dapat diterima secara umum. Selain menjalankan usaha-usaha bersifat akademik, fungsi utama pendidikan ialah mendidik dan mewujudkan nilai-nilai integrasi nasional dalam kepelbagaian budaya masyarakat majmuk di negara ini.

Sejak merdeka, sistem pendidikan kebangsaan telah dirancang dan dibentuk sebagai satu mekanisme yang dapat memainkan peranan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda. Dalam Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah digariskan dengan jelas dasar yang berkaitan dengan nilai-nilai perpaduan nasional (Haris Md Jadi, 1990). Dasar dalam Laporan Razak itu telah dinilai semula dan dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Jawatankuasa tersebut berpendapat bahawa kurikulum harus dirombak semula supaya ia boleh digunakan untuk menghasilkan warganegara yang berkembang secara menyeluruh dalam aspek fizikal, emosi dan rohani. Berdasarkan laporan tersebut, sistem pendidikan kebangsaan diharap akan menghasilkan pelajar yang sedar tentang ciri-ciri dan nilai-nilai menjadi seorang warganegara Malaysia yang dapat mengenyampingkan sentimen-sentimen sempit yang diwarisi mengikut keturunan dan kumpulan etnik yang berbeza.

## **Kemunculan Budaya Majmuk di Malaysia**


Perkembangan sejarah telah memperlihatkan kemunculan masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai budaya yang berbeza. Faktor-faktor sejarah seperti migrasi buruh asing dan dasar pentadbiran British di Tanah Melayu telah menghasilkan pola masyarakat majmuk seperti yang ada sekarang di negara ini. Sehingga awal abad kesembilan belas, demografi penduduk Malaysia cukup homogen yang didominasi oleh masyarakat tunggal Melayu-Islam dan orang-orang peribumi. Pada tahun 1880, masyarakat Melayu dan peribumi membentuk sekitar 90% daripada populasi penduduk di Semenanjung Malaysia (Gullick, 1969). Seinggalah di bawah pemerintahan penjajah Inggeris, 1874-1957, berlaku perubahan yang signifikan kepada pola demografi penduduk di Tanah Melayu. Inggeris, melalui dasar mereka yang menggalakkan penghijrahan, terutamanya dari China dan India, telah menukar sifat demografi penduduk Tanah Melayu yang relatif homogen secara etnik kepada bentuk masyarakat yang lebih pluralistik. Kemunculan masyarakat majmuk yang terbina melalui dasar penjajah Inggeris dan kemasukan imigran disebabkan faktor ekonomi, sosial dan politik telah mengakibatkan penduduk Malaysia hari ini terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama (Melayu, Cina dan India) selain daripada kumpulan etnik peribumi yang sedia wujud di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Situasi ini telah mengubah masyarakat Malaysia daripada sebahagian besar populasi bersifat mono-etnik menjadi masyarakat yang bersifat pelbagai etnik dan budaya atau masyarakat majmuk (Santhiram, 1999).

Berdasarkan pengertian Furnival (1956), masyarakat majmuk ialah campuran pelbagai kelompok manusia yang mempunyai latar budaya, bahasa dan agama yang berbeza dan tinggal dalam satu unit politik yang sama. Smith (dalam Ting Chew Peh, 1985) juga menganggap masyarakat majmuk sebagai masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya, perpecahan sosial dan perselisihan. Beliau berpendapat, masyarakat majmuk ialah masyarakat yang wujud atas dasar konflik dan paksaan, bukannya atas dasar nilai yang dikongsi bersama. Walaupun pelbagai kaum berganding bahu dalam satu sistem politik yang sama, tetapi kehidupan mereka adalah berasingan; interaksi sosial sering dipengaruhi oleh sentimen etnosentrik setiap kaum. Menurut Choo Keng Kun (1985), kemajmukan budaya masyarakat Malaysia boleh dilihat dalam pola-pola bahasa, kebudayaan, agama, dan juga dalam struktur sistem ekonominya. Pembahagian komunal ini diperhebatkan lagi oleh pola penempatan desa

dan bandar yang diasingkan mengikut kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia (Tilman, 1969; Rabushka, 1973).

Situasi perbezaan etnik ini semakin diperburuk lagi akibat perbezaan etnik yang dibina melalui institusi politik, ekonomi dan pendidikan. Hakikatnya, perbezaan budaya, keturunan, etnik, agama, nilai, tradisi dan kepercayaan adalah identiti kepelbagaian budaya masyarakat di negara ini. Identiti budaya masyarakat dalam konteks budaya makro di negara ini memperlihatkan kepelbagaian budaya yang ditentukan oleh pelbagai faktor dan latar belakang individu dan masyarakat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Kepelbagaian identiti etnik ini telah membentuk masyarakat Malaysia yang multi-etnik atau pluralistik. Namun, meskipun perbezaan



Rajah 1: Identiti Kemajmukan Masyarakat Malaysia  
*Diubahsuai daripada Golinick, D.M. dan Chinn, P.C. (1988).*

antara kumpulan-kumpulan etnik di Malaysia agak jelas, dalam beberapa kes tertentu identiti *hybrid* juga berlaku disebabkan proses asimilasi dan perkahwinan antara etnik. Sebagai contoh, kumpulan minoriti daripada etnik Cina di Malaysia, yang dikenali sebagai Baba Cina telah banyak diasimilasikan oleh budaya dan bahasa masyarakat Melayu.

## **Menerima dan Memahami Kepelbagaian Budaya dan Etnik: Perspektif Islam dan Barat**

### **Perspektif Islam**

Pendirian Islam tentang konsep kepelbagaian budaya adalah jelas dan rasional. Islam menerima dan mengiktiraf fitrah kepelbagaian manusia dalam aspek budaya, agama dan etnisiti. Islam bukan sekadar sebuah 'agama' dalam pengertian akal dan fahaman sekular terhadap maksud agama sebagai hanya satu sistem kepercayaan, bahkan ia merupakan sebuah sistem hidup yang lengkap yang kehadiran Islam itu sendiri adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia di muka bumi ini (Ghazali Basri, 2003). Ini termasuklah dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan hubungan sesama manusia. Dalam konteks kepelbagaian budaya, Islam telah meletakkan prinsip-prinsip yang kukuh sebagai asas kepada perlakuan manusia dalam hubungan sesama manusia. Dalam Islam, terdapat ayat-ayat al-Quran yang menekankan supaya orang Islam sentiasa berbaik-baik dengan kaum yang lain dan saling kenal-mengenal antara satu sama lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8-9 yang bermaksud: *"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mencintai orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu) sebagai teman rapat dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. (Ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka sebagai teman rapat, maka mereka itulah orang yang zalim"*.

Kepelbagaian bangsa dan kaum juga merupakan satu ketentuan Allah yang menuntut manusia berinteraksi secara positif sesama mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud: *"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa antara kamu (bukan kerana keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)"*.

Daripada maksud ayat-ayat di atas, dapat dirumuskan bahawa: pertama, kewujudan manusia dalam pelbagai kumpulan etnik, ras atau kaum tertentu adalah satu hakikat kejadian alam yang dijadikan oleh Allah SWT yang tidak boleh manusia menolaknya. Ini bermakna, manusia walaupun berbeza keturunan, etnik dan budaya, perlu menerima keberadaan mereka di tengah-tengah fitrah kewujudan manusia yang mempunyai pelbagai perbezaan dan latar belakang, dan perlu menghormati hak-hak satu sama lain. Kedua, Islam menggalakkan kita menyedari kewujudan kepelbagaian budaya manusia dan berusaha untuk memahami kepelbagaian tersebut supaya kita dapat kenal-mengenal antara satu sama lain, bertolak ansur dan membina kehidupan yang harmoni dalam kepelbagaian tersebut. Seterusnya, Islam tidak menolak perasaan kekitaan dan *esprit de core* dalam kalangan ahli masyarakat daripada satu kumpulan etnik yang sama, namun Islam menolak sentimen asabiyyah yang sempit yang menjurus kepada pembentukan fahaman kesukuan (tribalism) dan fahaman kebangsaan yang sempit (ultra nationalism) yang akan memberi natijah yang buruk kepada kumpulan etnik atau negara bangsa yang lain. Ianya ditunjukkan melalui sepucuk surat daripada Rasulullah SAW kepada para paderi gereja Saint Catherine di Bukit al-Sana' (Bukit Sinai), yang menyebutkan antaranya: “... apabila seorang paderi berada di dalam gerejanya atau mengembara (berkumpul bersama-sama pengikutnya) di sebuah bukit, lurah, gua, kawasan yang telah dihidupkan, kawasan rendah yang subur, gereja atau di tempat ibadat, maka kami sentiasa berada di belakang mereka, dan saya akan mempertahankan mereka dengan diri saya, dengan hamba sahaya saya, dengan pengikut-pengikut saya dan dengan bangsa saya, mempertahankan diri mereka, harta kekayaan mereka dan juga pakaian mereka, kerana mereka adalah rakyat saya dan ahl al-dhimmah saya... tidak akan diruntuh bangunan-bangunan gereja mereka dan tidak akan dirosakkannya, dan tidak akan dijadikannya sebagai rumah-rumah untuk orang Islam” (Al-Kharbutli, 1969). Situasi ini membayangkan Rasulullah SAW amat toleransi terhadap penganut agama lain malahan akan mempertahankan hak-hak mereka daripada dicerobohi. Melalui catatan surat ini jelas berlainan agama bukan penghalang kepada seseorang individu mendapatkan keadilan dalam Islam.

Islam mengakui kewujudan pelbagai agama yang menjadi anutan manusia dan mereka bebas beramal dengan amalan dan keyakinan masing-masing. Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 118 yang bermaksud: “*Kalaulah Tuhanmu menghendaki, tentulah dia menjadikan kamu umat yang satu. (Tetapi dia tidak berbuat demikian) dan kerana*

*itulah mereka terus menerus berselisihan*". Islam tidak menafikan kebebasan individu untuk memilih anutan masing-masing. Konsep tiada paksaan dalam beragama ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud: "*Tidak ada paksaan dalam agama Islam (yakni untuk memeluknya). Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kekufuran)...*". Seseorang individu tidak boleh dipaksa untuk menganut Islam atau dengan kata lain individu adalah bebas menganut agama pilihan masing-masing. Ibn Kathir (1997) ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan seseorang individu tidak boleh dipaksa untuk memeluk Islam. Islam merupakan sistem hidup yang terang, jelas dan terbukti kebenarannya dengan tidak menghendaki wujudnya paksaan untuk menganutinya.

Umar bin al-Khattab dalam perjanjiannya terhadap penduduk Ilia (al-Quds) telah menegaskan jaminan terhadap kebebasan beragama, kesucian tempat-tempat ibadat dan upacara keagamaan mereka (al-Tabari, t.t). Setelah tentera Islam berjaya menawan Baitulmaqdis, Umar bin al-Khattab r.a. telah berikrar untuk menjaga keselamatan awam yang meliputi nyawa, harta benda, agama penduduknya serta gereja-gereja mereka. Arahan telah dikeluarkan agar gereja tidak dijadikan tempat tinggal, tidak dikurangkan sesuatu apapun daripada binaannya, tidak dipaksa orang Masehi dalam urusan agama mereka, mereka juga tidak boleh disakiti (al-Kharbutli, 1969). Beliau juga menunjukkan pandangan masa depan yang jauh apabila enggan menunaikan solat Asar ketika berada di dalam Gereja Qiyamah kerana bimbang ianya akan dijadikan alasan oleh orang Islam kemudian hari untuk menuntut dan menjadikannya sebagai masjid (al-Siba'i, t.t.) Islam menjamin kehormatan tempat ibadat agama lain dan melarang dilakukan sesuatu tindakan yang bertujuan mencemarinya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 40 yang bermaksud: "*...kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat peribadatan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi) dan masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah dengan banyak padanya*". Menghormati tempat ibadat agama lain adalah satu tuntutan kepada umat Islam.

## **Pandangan Barat**

Sarjana-sarjana Barat dalam bidang sosiologi dan antropologi budaya (Smith 1981; Enloe, 1980; Rex, 1986; Eriksen, 1992; Edensor, 2002))

melihat etnik adalah satu aspek hubungan sosial antara kumpulan-kumpulan yang menganggap diri mereka memiliki budaya tersendiri dan berbeza daripada kumpulan etnik lain. Mereka berpandangan bahawa aspek perbezaan budaya dalam interaksi sosial antara kumpulan etnik merupakan unsur dan identiti etnik yang wujud dalam hubungan sosial antara kumpulan etnik tersebut. Ini adalah proses di mana perbezaan budaya digunakan untuk memberi identifikasi dan perasaan tentang 'kami' dalam kumpulan etnik yang sama dan berbeza daripada 'mereka' (us and them) bagi kumpulan etnik yang lain. Namun, menurut Wallman (1979), cara-cara 'kami' dan 'mereka' merasa tentang perbezaan adalah bervariasi, bergantung pada keadaan, konteks sosial, politik dan ekonomi. Konsep 'kami' dan 'mereka' dalam hubungan inter etnik ini tidak statik, sebaliknya adalah transaksional, fleksibel dan pada dasarnya tidak kekal. Dengan kata lain, batas-batas etnik dan pengertian tentang '*othering*' bergantung pada fungsi konteks atau situasi. Dalam hal ini, Wallman (1979), Jenkins (1986) dan Hale (2004) bersetuju bahawa sempadan antara kumpulan-kumpulan etnik menjadi tebal atau nipis, bergantung pada kekuatan rasa 'kami' dan 'mereka' daripada ahli kumpulan etnik tersebut, dan keadaan ini boleh berubah mengikut masa dan keadaan.

Sarjana-sarjana Barat juga mengakui bahasa adalah satu identifikasi identiti budaya, yang merupakan alat untuk komunikasi, sebagai simbol pengenalan kumpulan dan berkaitan erat dengan identifikasi etnik (van den Berghe, 1987; Edward, 1985). Ahli sesuatu kumpulan etnik sering mendefinisikan dirinya sebagai sebahagian daripada ahli komuniti yang menggunakan bahasa komunikasi yang sama. Menurut De Vos (1975), mereka yang berkongsi bahasa yang sama biasanya berkongsi identifikasi, budaya dan nilai yang sama. De Vos (1975) melihat bahasa sebagai sebuah simbol nyata yang dapat membuktikan pengenalan sesuatu kumpulan etnik. Menurut De Vos, bahasa adalah penting untuk mengembangkan identiti etnik dan berfungsi sebagai simbol subjektif untuk membezakan kumpulan tersebut daripada kumpulan etnik yang lain. Oleh kerana itu, bahasa boleh dianggap asas kepada budaya yang berbeza (Anderson, 1967). Ciri lain yang penting sebagai unsur perbezaan etnik ialah identiti agama. Agama menyediakan asas untuk membentuk sistem kepercayaan, pemikiran dan persepsi umum dan berkongsi reaksi emosional yang sama.

Menurut Banks dan Banks (1993), dalam konteks masyarakat majmuk, pendidikan pelbagai budaya dapat membantu kanak-kanak meningkatkan sikap dan persepsi yang positif dalam interaksi antara budaya. Para pendidik pelbagai budaya percaya bahawa identiti dan



'*self-esteem*' yang positif adalah berasaskan kepada kebanggaan setiap kanak-kanak terhadap sejarah bangsa mereka yang berkaitan dengan ketamadunan, budaya dan kegemilangan (Wardle, 2000).

Pattigrew dan Pajonas (1973) menyatakan kanak-kanak yang hidup dalam persekitaran yang multi-etnik akan memperoleh persekitaran positif untuk berinteraksi antara satu sama lain dan akan mengurangkan prasangka serta dapat membangunkan kefahaman tentang budaya yang berbeza. Menurut Pattigrew dan Pajonas persekitaran yang pelbagai budaya menuntut latihan dan pendidikan untuk memahami dan menerima kepelbagaian tersebut (ms. 87). Idea-idea pendidikan pelbagai budaya berdasarkan perspektif Barat ini adalah berkaitan dengan perspektif Dewey dalam ideanya tentang peranan institusi pendidikan sebagai media sosial untuk kanak-kanak. Dewey percaya bahawa percampuran di sekolah antara kanak-kanak daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya akan mencipta persekitaran dan pengalaman yang lebih luas tentang perbezaan dan kepelbagaian sesebuah masyarakat (Dewey, 1944, 21).

## **Kepentingan Pendidikan Pelbagai Budaya dalam Merealisasikan Matlamat Negara Bangsa '1 Malaysia'**

Benedict Anderson (1991) mentakrifkan negara bangsa dalam konteks zaman moden kini sebagai suatu bentuk imaginasi oleh penduduk sesebuah negara bangsa. Ini adalah apa yang telah disebut oleh Benedict Anderson sebagai komuniti yang diimiginasikan (Anderson, 1991). Smith (1991) menegaskan bahawa penggunaan istilah bangsa dalam versi ini adalah sebuah konsep yang abstrak yang muncul dalam situasi dan konteks sejarah tertentu, di mana agensi manusia dan imaginasi memainkan peranan penting untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu dan berdaulat. Bangsa dalam pengertian ini adalah sesuatu yang dibayangkan oleh ahli masyarakat untuk menjadi produk sosial yang nyata hasil daripada setiap ahli masyarakat mengenali dan menganggap diri mereka sebagai satu bangsa, terikat oleh satu sistem dan unit politik dan diakui oleh orang lain berdasarkan apa yang mereka bayangkan. Anderson mengatakan "masyarakat harus dibezakan, bukan oleh kepalsuan mereka, tetapi dengan apa yang mereka imiginasikan" (Anderson, 1991, 6). Berdasarkan pengertian ini, bangsa didasarkan pada pengenalan dan perasaan antara ahli masyarakat bahawa mereka

mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam satu lingkungan politik dan budaya yang diterima bersama.

Dalam proses mengembangkan citra bangsa ini, adalah penting untuk menentukan bagaimana imaginasi dan idea-idea negara bangsa dapat dibangunkan oleh ahli-ahli masyarakat. Justeru, gagasan 1 Malaysia yang dikemukakan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, adalah satu idealisme pembinaan sebuah negara bangsa yang bersatu padu dalam persekitaran masyarakat majmuk dan mempunyai kepelbagaian budaya dan kepercayaan. Dari segi konsepnya, '1 Malaysia' boleh diringkaskan seperti berikut ; 1) Merupakan satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum, berteraskan beberapa nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia; 2) Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1 Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama; 3) Menghargai dan menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang dibanggakan; 4) Menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar kita dapat hidup bersama dalam keadaan saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara; 5) Asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum yang membawa makna nasib semua etnik akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan.

Perbezaan budaya yang wujud dalam konteks masyarakat majmuk, sekiranya tidak diuruskan dengan betul boleh berperanan sebagai garisan perosak (*fault line*) dalam masyarakat majmuk. Natijahnya ialah tindakan yang akan melahirkan elemen-elemen diskriminasi, agresif, mengelak untuk berinteraksi, ketidakadilan antara kaum dan sentiasa merasa berbeza antara satu sama lain. Terdapat sesuatu dalam pemikiran yang kadang-kala boleh menghalang interaksi positif dan harmoni antara individu yang berbeza etnik, iaitu perbezaan kaum dan budaya. Apabila pemikiran tentang perbezaan kaum dan budaya ini telah lama terbina, iaitu mungkin sejak seseorang kanak-kanak itu kecil lagi, ia mungkin akan menjadi sebahagian daripada personaliti yang mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan individu dan kaum yang berbeza. Elemen perbezaan inilah yang menjadikan mereka merasa keseluruhan nilai, norma, budaya dan cara hidup mereka berbeza dengan kumpulan lain dan seterusnya mempengaruhi darjah interaksi dan percampuran mereka

dengan kaum yang lain. Inilah yang menjadi jurang pemisah yang terlalu sukar untuk dirobuhkan apabila seseorang kanak-kanak itu telah dewasa. Mungkin dasar dan sistem pendidikan boleh memaksa mereka untuk bercampur gaul dan berinteraksi secara positif. Namun kecetekkan pengetahuan dan pemahaman tentang budaya etnik lain akan menghalang interaksi sosial berlaku secara berterusan. Apabila mereka mempunyai kebebasan untuk memilih akibat dipengaruhi oleh sempadan etnik tadi, perasaan perbezaan akan menghalang kesedaran dan kefahaman tentang wujudnya persamaan yang dikongsi bersama dalam lingkungan politik dan sosial masyarakat di negara ini. Di sinilah letaknya kepentingan pendidikan pelbagai budaya untuk meruntuhkan tembok pemisah itu melalui pemahaman yang jelas tentang nilai dan budaya etnik lain.

Dalam sesebuah institusi pendidikan, elemen-elemen pendidikan pelbagai budaya boleh diterapkan dalam disiplin-disiplin mata pelajaran tertentu sebagai satu usaha untuk mempromosikan kesedaran, sensitiviti, saling menghargai dan menghormati dan suasana harmoni antara pelajar-pelajar yang pelbagai budaya untuk mencapai matlamat keadilan dan perpaduan dalam masyarakat (Temple dan Stasz, 2002). Generasi muda sewajarnya dididik dan diberikan kefahaman tentang kehidupan mereka dalam masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya. Kefahaman, rasa hormat, tolak ansur, penghakisan prejudis dan stereotaip perkauman perlu dibentuk dalam diri mereka untuk mewujudkan interaksi sosial yang harmoni. Bishop (1996, dalam Temple dan Stasz, 2002) menyatakan bahawa pendidikan pelbagai budaya dapat berperanan sebagai '*window and mirror*' dalam individu untuk meningkatkan kefahamannya tentang budaya kumpulan lain. Pendidikan pelbagai budaya berperanan sebagai tingkap (*window*) untuk memahami budaya kumpulan lain dan menjadi cermin (*mirror*) untuk memahami budaya asal mereka sendiri.

### **Pendekatan Pendidikan bagi Meningkatkan Pemahaman dan Penerimaan Terhadap Kepelbagaian Budaya**

Collins (1975) menyatakan bahawa pendidikan adalah salah satu penyumbang yang paling penting dalam mengurangkan perbezaan budaya. Menurut beliau, pendidikan boleh dilihat sebagai *pseudoethnicty* – konsep yang sama juga boleh membina sentimen keetnik. Sarjana-sarjana lain seperti Gilborn (1995) dan Rex (1986) juga bersetuju

bahawa isu-isu etnik sangat relevan dalam pendidikan kerana pendidikan adalah salah satu domain sosial dalam sesebuah masyarakat majmuk. Menurut Rex (1986), potensi sumber perselisihan di sekitar isu-isu etnik termasuk perbezaan nilai-nilai, agama, budaya dan bahasa. Dalam sistem pendidikan, unsur-unsur tersebut dapat menghasilkan ketegangan antara kumpulan-kumpulan etnik. Easterly dan Levine (1997) juga berpendapat bahawa masyarakat dipolarisasikan cenderung untuk bersaing dalam kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza dan sukar untuk memperoleh persetujuan tentang perbezaan yang wujud antara mereka.

Justeru, kefahaman tentang budaya sesuatu kumpulan etnik dapat mengembangkan kesedaran dan perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain. Pendekatan-pendekatan berikut boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kefahaman pelbagai budaya dalam kalangan generasi muda melalui pendidikan:

### **1. Pandangan Sejarah yang Seimbang**

Sistem pendidikan mempunyai aspek yang formal dan tidak formal. Aspek formal meliputi objektif kurikulum dan isi kandungan pengetahuan yang dinilai melalui sistem peperiksaan. Aspek tidak formal atau tersembunyi (*hidden side*) pula merujuk kepada persoalan yang berkaitan jangkaan implisit terhadap tingkah laku. Contohnya, adakah kejayaan pelajar ditentukan oleh kerjasama atau persaingan? Adakah pelajar berkongsi tanggungjawab terhadap kelas dan sekolah mereka atau mementingkan diri? Begitu juga dalam aspek tidak formal ini ialah berkaitan sikap pelajar terhadap kumpulan yang berbeza budaya daripada mereka. Sejauh mana pelajar mengetahui, memahami dan menghormati individu atau kumpulan yang berbeza budaya daripada mereka dalam persekitaran yang majmuk itu? Kisah, cerita atau sejarah kumpulan mana yang lebih banyak ditonjolkan dalam buku-buku teks sejarah? Sumbangan kumpulan mana yang tidak ditonjolkan dalam buku-buku teks sejarah?

Dalam hal ini isi kandungan sejarah yang diajar di sekolah-sekolah haruslah mengambil kira aspek keseimbangan pandangan sejarah yang dapat memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar tentang sejarah dan warisan pelbagai budaya dan kaum yang ada. Kurikulum sejarah haruslah memberi penekanan pemahaman sejarah tamadun, budaya, perjuangan, tokoh-tokoh dan pelbagai kelompok masyarakat dan kaum di negara ini. Kandungan kurikulum yang boleh ditafsirkan sebagai mengeneipkan sumbangan kumpulan etnik tertentu dalam perkembangan sejarah tanah air boleh mewujudkan rasa didiskriminasikan dalam proses penjelasan sejarah nasionalisme tanah air. Sumbangan kaum minoriti

melalui tokoh dan organisasi tertentu dalam sejarah nasionalisme tanah air tidak boleh dinafikan dalam pengajaran sejarah di sekolah. Dasar penulisan sejarah yang kadangkala dianggap perlu bercorak '*Malaysian Centric*' secara tidak disedari mungkin dipengaruhi atau didominasi oleh kumpulan majoriti dan dominan yang masing-masing mempunyai kepentingan tertentu.

Mata pelajaran sejarah boleh memainkan peranan sebagai pendukung utama pemupukan semangat perpaduan dan kewarganegaraan. Kandungan kurikulum sejarah perlu mengambil kira dan bersikap adil dalam memberi pengetahuan tentang sejarah masyarakat, kaum, nilai-nilai budaya, tamadun dan tokoh-tokoh pelbagai kaum yang wujud dalam masyarakat majmuk di negara ini. Melalui pemahaman dan penghayatan sejarah yang seimbang ini, pelajar-pelajar akan lebih mengetahui, memahami dan menghargai warisan sejarah mereka yang dibentuk melalui kepelbagaian budaya yang ada.

## **2. Infusi Kandungan dan Idea Pelbagai Budaya dalam Kurikulum Pendidikan**

Satu langkah yang difikirkan wajar untuk mendidik dan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kepelbagaian budaya dalam masyarakat majmuk ialah melalui program berorientasi kandungan (*Content-Oriented Programs*). Menurut Temple dan Stasz (2002), program berorientasikan kandungan memfokuskan usaha untuk menerapkan (*infusion*) idea-idea atau pengetahuan yang berkaitan dengan disiplin pendidikan pelbagai budaya dalam kurikulum mata pelajaran sedia ada. Matlamat utama program ini ialah untuk menjadikan pelajar berpengetahuan dan memahami kepelbagaian budaya dalam komuniti, masyarakat dan negara mereka. Program ini mempunyai tiga matlamat:

- membangunkan kandungan pendidikan pelbagai budaya merentas kurikulum
- menggabungkan pelbagai pandangan dan perspektif dalam kurikulum
- membangunkan paradigma baru dalam kurikulum sedia ada

Dalam sesebuah kurikulum pendidikan, program ini boleh dilaksanakan dengan memasukkan beberapa bahan tentang tokoh dan budaya daripada pelbagai etnik. Pelajar perlu digalakkan membaca buku-buku, membuat projek dan mempelajari budaya kumpulan-kumpulan etnik lain melalui persepsi yang adil dan seimbang. Kaedah kajian kumpulan tunggal (*single group studies*) seperti kajian tentang wanita,

kajian tentang kumpulan etnik tertentu, tamadun bangsa tertentu dan sebagainya boleh dijalankan melalui kurikulum yang sedia ada. Pelajar dibimbing untuk meneroka dan mendapatkan pengetahuan tentang perkara-perkara tersebut dan seterusnya memperoleh kefahaman tentang budaya-budaya yang berbeza daripada mereka. Dalam proses ini, usaha memberi pendidikan pelbagai budaya diterapkan dalam kurikulum yang sedia ada tanpa mengganggu atau mengubah fokus dan objektif kurikulum berkenaan.

Memperkenalkan dan menggalakkan sikap dan nilai hormat-menghormati, hubungan yang positif dan 'student self-esteem' antara kumpulan etnik dan pelbagai latar belakang budaya.

Pendidikan mampu memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran dan sensitiviti individu terhadap kepelbagaian kebudayaan melalui pemahaman tentang budaya, norma dan nilai dan kepercayaan sesuatu bangsa dan tamadun. Lynch (1987) misalnya mencadangkan beberapa prinsip pendekatan dan amalan pengajaran yang dapat menggalakkan sikap positif dalam kalangan pelajar pelbagai budaya:

- Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih demokratik
- Pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif
- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan memaksimumkan penglibatan semua pelajar
- Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pelajar membuat penghujahan dan menggunakan elemen rasionaliti.
- Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pelajar untuk memahami persamaan yang wujud antara mereka dan bukan meningkatkan rasa berbeza.

#### **4. Mendidik Kefahaman dan Penerimaan Pelbagai Budaya**

Setiap pelajar hadir ke sekolah dengan membawa bersama budaya, cara hidup, identiti etnik atau kumpulan masing-masing. Ia dipengaruhi dan dibentuk oleh latar belakang sosial pelajar, budaya, keluarga, masyarakat sekitar dan kepercayaan atau agama mereka (Banks, 1989). Identifikasi diri ini, sama ada kita sedar atau tidak, haruslah dihormati dan diterima. Guru seharusnya mengetahui dan memahami perbezaan dan kepelbagaian identiti tersebut daripada bertindak tidak menghiraukannya dan perlu menjadi asas aktiviti pembelajaran dalam kelas.

Pendidikan dapat memberikan generasi muda pengalaman luas dalam kehidupan yang mempunyai kepelbagaian budaya dan identiti. Pelajar-pelajar ke sekolah dan di institusi pendidikan tinggi perlu

digalakkan berinteraksi dalam satu ruang dan sistem pembelajaran dan aktiviti kokurikulum yang disediakan. Sempadan budaya dan sentimen keetnikan yang menghalang berlakunya interaksi sosial yang harmonis dan positif sewajarnya dikikis.

## **Kesimpulan**

Usaha mempromosikan pendidikan pelbagai budaya adalah sesuai dengan fitrah manusia yang secara *raison de 'e tre* adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT. Justeru, pendekatan dalam memberikan kefahaman dan kesedaran tentang kepelbagaian budaya masyarakat manusia haruslah dilakukan secara holistik dengan mengambil kira pembangunan manusia secara seimbang dan menyeluruh.

Jurang pemisah antara budaya ini seharusnya dikurangkan dengan memberi pengetahuan dan kefahaman yang tinggi tentang kepelbagaian budaya yang wujud dalam masyarakat di negara ini. Melalui pendidikan sejarah, generasi muda boleh diberikan kesedaran dan kefahaman tentang warisan, asal usul, keturunan dan masyarakat mereka. Faktor yang mengikat sekumpulan manusia di dalam sesebuah negara ialah satu kefahaman tentang masa lampau yang dapat dikongsi bersama, satu perasaan mengambil berat terhadap aspirasi masa kini dan masa hadapan. Penentu utama identiti nasional dalam satu sistem politik dan negara bangsa ialah kefahaman yang tinggi tentang peristiwa-peristiwa sejarah dan cabaran-cabaran yang telah dilalui oleh masyarakat majumuk di negara ini bagi membentuk sebuah negara bangsa 1 Malaysia yang adil, saksama dan hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu.

## **Rujukan**

Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan (2005). Shah Alam: Yayasan Restu.

Ali Husni al-Kharbutli (1969). *Al-Islam wa Ahl al-Dhimmah*. Kaherah: al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyah.

Anderson, C. (1967). *Issues of Political Development*, Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

- Anderson, B. (1991). *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London and New York: Verso.
- Banks, J. (1989). Multicultural Education: Characteristics and Goals. Dalam Banks, J. & Banks, C. (Eds.) *Multicultural Education: Issues and Perspectives*. Boston: Allyn and Bacon.
- Banks, J., & Banks, C. (Eds). (1993). *Multicultural Education: Issues and Perspectives*. Boston: Allyn & Bacon.
- Choo Keng Kun. (1985). 'Masyarakat Majmuk Semenanjung Malaysia: Revolusi Sejarah', dalam Zuraina Majid (ed.), *Masyarakat Malaysia. Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- De Vos, G. (1975). Ethnic Pluralism: Conflict and Accommodation. In De Vos, G. and Romanucci-Ross, L. (Eds.), *Ethnic Identity: Cultural, Continuities and Changes*. California US: Mayfield Publishing Company.
- Easterly, W., & Levine, R. (1997). Africa's Growth Tragedy: Policies and Ethnic Divisions. *Quarterly Journal of Economics*, 112.
- Edensor, T. (2002). *National Identity, Popular Culture and Everyday Life*. Oxford: New York, Berg.
- Edwards, J. R. (1985). *Language, Society and Identity*. Oxford: Basil Blackwell.
- Enloe, C. (1980). *Ethnic Soldiers*. Athens: University of Georgia Press.
- Eriksen, T. H. (1992). *Us and Them in Modern Societies: Ethnicity and Nationalism in Mauritius, Trinidad and Beyond*. Norway: Scandinavian University Press.
- Furnivall, J. S. (1956). *Colonial Policy and Practice, A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.



- Ghazali Basri (2003). Pendidikan Merentas Budaya Menurut Perpsektif Islam: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(3), pp. 1-14.
- Gilborn, D. (1995). *Racism and Antiracism in Real School*. Buckingham, Philadelphia: Open University Press.
- Golinick, G., & Chinn, P. (1988). *Multicultural Education in a Pluralistic Society*. New Jersey, US: Prentice-Hall Inc.
- Hale, H. E. (2004). Explaining Ethnicity, *Comparative Political Studies*, 37, 458-485.
- Haris Md. Jadi (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hirschman, C. (1987). 'The Meaning and Measurement of Ethnicity in Malaysia: An Analysis of Census Classifications'. *The Journal of Asian Studies*. 46 (3) August, pp. 555-559.
- Ibn Kathir. (1997). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, juz. I. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Jenkins, R. (1986). 'Social Anthropological Models of Inter-Ethnic Relations', in J. Rex and D. Mason (Eds), *Theories of Race and Ethnic Relations*, Cambridge: Cambridge University Press, 170-185.
- Lynch, J. (1987). *Prejudice Reduction and the Schools*. New York: Nichols Publishing Company.
- Mustafa al-Siba'i. (t.t.). *Min Rawai' Hadaratina*. Beirut: Dar al-Irsyad.
- Pettigrew, T. F., & Pajonas, P. J. (1973). The Social Psychology of Heterogeneous School. Dalam Bremback, C. S. & Hill, W. K. (Eds.). *Cultural Challenges to Education: The Influence of Cultural Factors in School*. Toronto: Lexington Books.
- Rabushka, A. (1973). *Race and Politics in Urban Malaya*. Stanford University, Stanford, California: Hoover Institution Press.

- Rex, J. (1986). *Race and Ethnicity*. Buckingham, UK: Open University Press.
- Santhiram, R. (1999). *Education of Minorities: The Case of Indians In Malaysia*, Selangor, Malaysia, CHILD (Child Information, Learning And Development Centre).
- Smith, A. D. (1981). *The Ethnic Revival in the Modern World*, Cambridge, Cambridge University Press.
- Smith, A. D. (1991b). The Nation: Invented, Imagined, Reconstructed? *Millennium. Journal of International Studies*, 20(3), 353-368.
- Steinberg, D. J. (Eds.) (1971). *In Search of South-East Asia: A Modern History*. New York: Praeger Publishers.
- Tabari, al. (t.t). *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Cairo: al-Matba'ah al-Husainiyah.
- Temple, C., & Stasz, B. (2002). "What Is Multicultural Education? Where Does It Come From? What Does It Do?". Multicultural Conference – Proceedings. <http://www.osi.hu/iep/Workshops/multicultural/proceedings>. pp. 2-10.
- Tilman, R. O. (1969). Education and Political Development in Malaysia. Dalam Tilman, R. O. (Ed.). *Man, State and Society in Contemporary Southeast Asia*. London: Pall Mall Press.
- Ting Chew Peh. (1985). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Den Berghe, P. L. (1987). *The Ethnic Phenomenon*. New York, Westport, Connecticut, London, Praeger.
- Wallman, S. (1979). Introduction: The Scope for Ethnicity', in S. Wallman (Ed.) *Ethnicity at Work*. London: The Macmillan Press Ltd., 1-17.
- Wardle, F. (2000). "Children of Mixed Race – No Longer Invisible". *Educational Leadership*. Vol. 57, No. 4, January 2000. <http://www.ascd.org/readingroom/edlead/9912/wardle.html>. pp. 1-5.